

Maut langgar tiang lampu

Seremban: Seorang lelaki, Mohamed Akber Mohamed Ali, 42, yang dalam perjalanan ke Seremban maut apabila motosikal yang ditunggangnya merempuh papan tanda jalan dan tiang lampu isyarat di Jalan Persiaran Senawang 1, berhampiran Plaza Tol Senawang, di sini, semalam.



METRO AHAD

Bawa balik kucing percuma



SEBAHAGIAN pengunjung melihat pameran kucing.

SEBAHAGIAN daripada kucing terbiar yang dipamerkan untuk dibawa pulang.

Shah Alam: Bagi membendung masalah kucing terbiar di negara ini, satu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) melancarkan kempen #BolehAdiklkat untuk orang ramai membawa pulang kucing berkenaan.

Pertubuhan Kebajikan

Haiwan Malaysia (MAWA) menginspirasi iklan daripada syarikat penerbangan Malaysia Airlines Berhad (MAB) yang memberi peluang kepada orang ramai membawa pulang haiwan comel terbiar itu.

Pengasas MAWA S Makun-

nan berkata, pada pelancaran itu 30 ekor kucing yang tidak bertuan sudah dirawat serta dimandulkan dibawa dan pengunjung boleh mengambilnya secara percuma. "Penggemar haiwan berbulu ini boleh membantu memelihara mereka.

"Selain diberikan secara percuma, orang ramai yang berminat mengambil kucing ini turut menerima sebungkus

makanan kucing," katanya ditemui selepas majlis pelancaran kempen #BolehAdiklkat di Pusat Konvensyen Setia City di sini, semalam.

Kempen berkenaan dirasmikan Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Kesihatan Veterinar) Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam.

Sementara itu Dr Quaza berkata, kerajaan menggalakkan usaha seperti itu yang pada masa sama dapat menyelesaikan masalah haiwan terbiar.

Katanya, usaha itu juga bagi mengelak kucing terus membiak dan berkeliaran.

"Ini menunjukkan kerajaan prihatin dengan masalah ini dan satu undang-undang sudah digubal bagi menjaga kebajikan haiwan ini iaitu Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) yang akan dikuatkuasakan tahun depan.

"Kita akan bantu untuk selesaikan masalah masyarakat seperti ini dan diharap usaha seperti ini akan berterusan," katanya.

“Penggemar haiwan berbulu ini boleh membantu memelihara mereka S Makunnan”

